



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 01/2023

BERMUHASABAH DENGAN KETENTUAN ALLAH

13 Jamadil Akhir 1443 H

Bersamaan

06 Januari 2023

DIKELUARKAN OLEH:

JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaian terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلٰى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلّٰا اللّٰهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمّا بَعْد؛ فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِنِّي أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT. Ketaqwaan yang boleh meluruskan perkataan, memperbaikkan amalan dan menggapai keampunan Tuhan. Mudah-mudahan dengan sentiasa berada dalam ketaatan kepada Allah dan Rasul, kita meraih kejayaan besar di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Mimbar mulia pada hari penuh berkat ini membawa khutbah bertajuk:

Bermuhasabah Dengan Ketentuan Allah

Muhasabah adalah perkara baik namun tidak disukai kerana kebanyakan manusia tidak suka untuk menilai dan melihat kekurangan diri sendiri.

Muhasabah umpama ubat yang pahit, tidak enak namun ia adalah penawar yang mengubati seribu satu penyakit. Sungguhpun menilai diri bukan sesuatu yang

menyeronokkan, tetapi orang yang sering bermuhasabah akan dapat membersihkan diri daripada kejahanan, dosa dan noda. Sabda Rasulullah SAW :

يُبَصِّرُ أَحَدُكُمُ الْقَدَىٰ فِي عَيْنِ أَخِيهِ وَيَنْسَى الْجِذْعَ فِي عَيْنِهِ

Maksudnya: Seseorang kamu dapat melihat habuk di mata saudaranya, sedang dia lupa dengan papan melintang di depan matanya sendiri.

(Hadith riwayat Ibn Hibban)

Sesungguhnya, seorang mukmin yang kuat serta yang teguh imannya ialah mukmin yang bukan saja beriman kepada Allah SWT dengan hati serta mengakui secara lisan, bahkan melaksanakan segala perintah Allah SWT serta menjauhi segala larangan-Nya.

Manakala mukmin yang lemah imannya pula ialah mereka yang sekadar mempercayai dan membenarkan adanya Allah SWT, berikrar dengan mengucap dua kalimah syahadah, tetapi cara hidup dan tingkah laku mereka bercanggah dengan akhlak dan syariat Islam.

Firman Allah swt dalam surah Anbia ayat 90:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسَرِّعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَا رَغْبًا وَرَهْبًا وَكَانُوا لَنَا

٦٠ خَشِيعَنَ

Maksudnya: "Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta terus takut dan mereka pula sentiasa khusyuk kepada kami."

Dengan peringatan ini, maka dapat difahami, perlumbaan di sini membawa maksud perlumbaan melakukan ketaatan dan amal soleh yang berterusan. Maka, kebaikan perlu direbut dan diusahakan dengan bersungguh-sungguh

Sidang jumaat yang diberkati,

Di dalam kehidupan kita seharian, kita akan selalu diuji oleh Allah SWT samada melalui kesenangan hidup ataupun musibah tertentu seperti merebaknya wabak COVID-19 yang masih dihadapi di seluruh dunia sehingga sekarang ini.

Apabila kita memperolehi kejayaan atau kesenangan, kita wajib bersyukur kepada Yang Maha Berkuasa. Manakala, apabila kita ditimpa dengan musibah atau masalah, kita wajib bersabar dan redha dengan ketentuan Allah SWT. Firman-Nya dalam Surah Ali-Imran ayat 139 :

وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ 

Maksudnya : "Janganlah kau bersikap lemah, dan janganlah kamu bersedih hati, padahal kamulah orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman."

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Hasan Al-Basri pernah berkata :

‘Sekiranya kita ingin mengetahui kedudukan kita di sisi Allah SWT, maka lihatlah bagaimana kita mengutamakan Allah dalam kehidupan kita.’

Dari situlah ia menjadi petanda sama ada kita dekat atau jauh daripada redha Allah SWT.

Sidang Jumaat dirahmati

Seseorang mukmin itu haruslah lebih banyak bermuhasabah dan melihat setiap sudut hidup ini sebagai anugerah dari Allah Yang Maha Esa. Sesungguhnya tidak akan bererti apapun yang dimiliki manusia jika tidak disertakan dengan rasa syukur dan yakin apa sahaja yang dimiliki adalah pinjaman dari Allah SWT.

Imam al-Ghazali pernah berkata :

“Barangsiapa yang sering bermuhasabah pada dirinya, nescaya dia akan temui keringanan pada hari akhirat kelak”.

Oleh itu, saya menyeru diri saya dan kita semua agar kita memperbanyakkan muhasabah diri. Janganlah hingga ketibaan tahun baharu, barulah kita berkira-kira untuk menanam azam baru. Justeru, perbanyakkanlah kita bertaubat setiap hari. Moga-moga dengan sikap kita yang suka menilai diri, suka mencari kesalahan diri, suka menyibukkan diri dengan mencari kekurangan dan kelemahan diri akan meraih kasih sayang ALLAH kepada kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنَّمَا مَوْلَانَا اللَّهُ وَلَا يُنَزَّلُ لَنَا مِنْ حَدِيدٍ وَلَا يَنْهَا اللَّهُ إِنَّمَا

اللَّهُ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

١٨

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah; dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan untuk hari esok. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.

(Surah Al Hasyr ayat 18)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ

وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَآمِئِهَا الظَّرِيفَاتُ إِذَا دَعَاهُمْ أَنَّمَا يَأْتِيهَا الظَّرِيفَاتُ إِذَا دَعَاهُمْ وَأَمْنُوا صَلَوةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجَنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحُمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْلَ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ اخْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ
مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اخْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ زَيْنَ
الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزْدَكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.